

## Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

---

**From:** Unit Komunikasi Korporat  
**Sent:** Sunday, February 12, 2017 4:24 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM  
**Subject:** MB Terengganu Rasmi Pejabat Sekretariat Keempat PERMATA Di Zon Utara



**Unit Komunikasi Korporat**  
CORPORATE COMMUNICATION UNIT  
**Universiti Utara Malaysia**



12 FEBRUARI 2017 / 15 JAMADILAWAL 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

### MB TERENGGANU RASMI PEJABAT SEKRETARIAT KEEMPAT PERMATA DI ZON UTARA



**UUM ONLINE:** Persatuan Mahasiswa Anak Terengganu (PERMATA) telah membuka pejabat sekretariat PERMATA yang ke-4 bagi Zon Utara yang bertempat di UUM Business Centre, Taman Universiti, Sintok.

Pelancaran pejabat sekretariat itu dirasmikan Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Ahmad Razif Abd Rahman yang merupakan Penaung PERMATA.

YAB Menteri Besar berkata, pembukaan pejabat sekretariat keempat itu merupakan satu lagi kejayaan PERMATA dan Yayasan Terengganu, sekali gus hasrat mewujudkan '*one stop center*' atau pusat khidmat dan aktiviti mahasiswa anak Terengganu di setiap zon telah tercapai.

"*One stop center* ini perlulah digunakan dan dimanfaatkan sebaik mungkin sebagai tempat menyalurkan maklumat berkaitan Terengganu khususnya, perbincangan pelajaran bersama pensyarah dan merencana program anak negeri bersama badan bukan kerajaan (NGO) di sini.

"Bak kata pepatah, masuk ke negeri orang bertanamlah ubi, jangan pula bertanam tembilang yang membawa maksud jika kita merantau ke negeri atau negara orang, hendaklah melakukan perkara yang berguna dan tidak mendatangkan mudarat kepada negeri atau negara tersebut," ujarnya.

Tambah beliau, mahasiswa Terengganu harus keluar daripada kepompong biasa dan mencapai lebih banyak kejayaan bukan untuk diri semata-mata, malah untuk Terengganu tercinta.

Katanya lagi, semoga pejabat sekretariat itu dapat membantu dan memudahkan segala urusan mahasiswa di Zon Utara dan menjaga kebajikan mereka di sini.

Pejabat sekretariat Zon Utara adalah lokasi keempat selepas Zon Tengah (Kuala Lumpur), Zon Timur (Terengganu) dan Zon Selatan (Johor) dan bakal diperluas ke Zon Borneo (Sabah dan Sarawak) pada masa akan datang.

PERMATA yang bernaung di bawah Yayasan Terengganu ditubuhkan pada 2000 bagi menjaga kebajikan, pusat sehati bagi mengerakkan aktiviti kemahasiswaan dan menjadi pusat membangunkan modal insan dan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa Terengganu selaras dengan prinsip Transformasi Terengganu Baharu (TTB) ke-8 iaitu Memperkasa Pendidikan.

Turut diadakan penyampaian bantuan pentadbiran PERMATA Zon Utara, senamrobik dan cabutan bertuah yang disertai seramai 600 mahasiswa Terengganu yang menuntut di UUM, Universiti Malaysia Perlis (UniMaP), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Mara Arau (UiTM).

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri Terengganu, Dato' Mohd Zubir Embong; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UUM, Prof Madya Dr Abdul Malek Abdul Karim yang mewakili Naib Canselor; Exco Kerajaan Negeri Terengganu, Dato' Muhammad Pehimi Yusof; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UniMaP, Prof Madya Dr Mohd Fo'ad Sakdan; Pengarah Yayasan Terengganu (YT), Mohamad Sulong; ADUN Batu Rakit, Bazlan Abd Rahman dan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Terengganu, Mohd Johari Abu Bakar.

**DARIPADA:**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

☎ 04-928 3048/3049/3052/3061

☎ 04-928 3053

✉ ukkuum@uum.edu.my

📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



**AACSB**  
ACCREDITED



**AMBA**  
ACCREDITED



**QS STARS**  
RATED FOR EXCELLENCE  
2017



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.